

# Pegawai kerajaan tak diugut

## KSN, Cuepacs nafi dakwaan Dr M kakitangan awam buat kritikan akan dipecat

Oleh Azman Zakaria  
dan Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Sidek Hassan menegaskan, dakwaan kononnya kakitangan kerajaan yang mengkritik kerajaan akan dipecat atau dipindahkan ke pedalaman tidak berasas sama sekali.

Katanya, sejak menjadi KSN dan ketika bertugas di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum ini, beliau tidak pernah mendengar atau mengetahui ada kakitangan awam yang dikenakan tindakan seperti didakwa bekas Per-

dana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Tiada dalam pengetahuan saya perkara seperti yang didakwa Dr Mahathir itu berlaku. Insha-Allah perkara seperti ini tidak akan berlaku dalam perkhidmatan awam.

"Jika ada apa-apa aduan, kita siasat tetapi sebarang tindakan bukan dilakukah sewenang-wenangnya sebaliknya mengikut peraturan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas dakwaan Dr Mahathir pada Jumaat lalu bahawa negara kini dilanda iklim ketakutan kerana sesiapa yang menyoal atau mengkritik Perdana Menteri

akan dikenakan tindakan, termasuk diasak dan diugut polis atau pemimpin kerajaan.

Dr Mahathir juga mendakwa tindakan akan diambil terhadap sesiapa saja yang menentang Perdana Menteri, termasuk dipecat, ditukar ke pedalaman seperti Sabah, dibatalkan kontrak, dipanggil polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR), serta ditahan dan disoal siasat berulang kali.

Mohd Sidek berkata, beliau tidak nampak mengapa pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam perlu mengkritik kerajaan kerana Perdana Menteri sentiasa bersikap terbuka.

"Malah, beliau sentiasa menggalakkan kakitangan awam mengemu-

kakan cadangan bagi meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian kerajaan. Saya sendiri melihat kerajaan lebih bersikap terbuka sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Perdana Menteri sendiri membuka peluang kepada rakyat memberikan cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kerajaan dan ini menunjukkan kerajaan bersifat terbuka," katanya.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Kakitangan Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Omar Osman, berkata dakwaan Dr Mahathir bahawa kakitangan kerajaan yang mengkritik kepemimpinan kerajaan akan dikenakan pelbagai tin-

dakan tidak benar.

Sehingga kini, katanya, Cuepacs tidak pernah mendapat maklumat atau menerima aduan ada kakitangan kerajaan dipecat daripada jawatan atau ditukar ke pedalaman kerana mengkritik dasar kerajaan atau menentang Perdana Menteri.

"Kita kecewa dan terkejut juga apabila Dr Mahathir membuat dakwaan seperti itu. Mengikut rekod kita, memang tiada seperti yang didakwa itu.

"Malah, kita juga tidak pernah mendapat aduan ahli yang mengatakan mereka dikenakan tindakan

**LHAT MUKA 2**

## Kritikan ikut saluran betul

**DARI MUKA 1**

kerana mengkritik kerajaan ataupun kerana mendengar ceramah atau menghadiri majlis yang mengundang Dr Mahathir," katanya ketika dihubungi.

Omar berkata, pihaknya juga tidak menerima dan tidak pernah mengetahui ada pekeliling atau arahan sama ada secara rasmi atau tidak, yang melarang kakitangan kerajaan mengkritik Perdana Menteri atau mendengar ceramah Dr Mahathir.

"Sehingga hari ini, kita sentiasa berpendirian bahawa kakitangan kerajaan boleh membuat kritikan asalkan ia bersifat membina demi kepentingan negara dan rakyat umumnya dan bukan untuk menjatuhkan mana-mana pihak" katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya sentiasa berusaha memastikan sebarang cadangan atau kritikan dilakukan menerusi saluran yang betul bagi memastikan ia mendapat pertimbangan sewajarnya serta tidak disalah tafsir.

"Cuepacs juga dari semasa ke semasa memberi pandangan kepada kerajaan dan tiada apa tindakan dikenakan kepada kami. Inilah bukti paling jelas bahawa kerajaan sentiasa mengamalkan dasar pentadbiran yang telus dan terbuka," katanya.